



Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap inisiatif bermanfaat besar untuk rakyat

Azhar Shahrulnizam - Februari 3, 2023 @ 7:21pm
bhnew@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Inisiatif kerajaan melancarkan Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap bagi membantu B40, veteran, orang kurang upaya (OKU) serta warga emas dengan harga lebih rendah, akan dapat membantu meringankan beban kewangan dan sara hidup golongan rakyat memerlukan.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Dato Seri Dr Jacob George, berkata keprihatinan kerajaan itu membuktikan rakyat yang tidak berkemampuan di negara ini tidak pernah dipinggirkan.

"Dalam keadaan sekarang, terutamanya warga emas ramai tidak mempunyai wang pencen atau simpanan. Jadi, apa sahaja program atau inisiatif membantu golongan ini sewajarnya diterima dengan tangan terbuka.

"Jika program ini berjaya dilaksanakan dengan berkesan, Malayai akan menjadi contoh kepada negara ASEAN lain, sebagai negara yang kerajannya prihatin dengan nasib golongan rakyat tidak berkemampuan seperti warga emas," katanya.

Beliau melihat Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap dilancarkan semalam itu bukan langkah populis dilaksanakan kerajaan.

"Hanya mereka yang tidak mahu membantu dan tidak prihatin akan kata ini langkah populis. Untuk mengkritik memang mudah, abaikan sahaja suara-suara seperti ini kerana apabila sering mempertikaikan sesuatu, yang menjadi mangsa adalah rakyat kebanyakan," katanya.

Jacob turut mencadangkan supaya satu jawantankuasa membabitkan persatuan pengguna dan media ditubuhkan bagi memantau inisiatif berkenaan dan memastikan pelaksanaannya berkesan.

Sementara itu, Pengurus Kanan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Baskaran Sithamparam, berkata walaupun harga ditawarkan melalui pakej itu lebih murah, syarikat telekomunikasi perlu memastikan perkhidmatannya nanti adalah yang terbaik.

"Inisiatif ini idea yang bernas, terutama kepada warga emas yang sudah tidak mempunyai kewangan kukuh. Saya juga harap perkhidmatan diberikan nanti yang terbaik," katanya.

Bagi pesara tentera, Hisham Mohd Foad, 52, pakej diusahakan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) itu dapat membantu mengurangkan perbelanjaan bulanan isi rumah.

"Sekarang, hampir semua benda memerlukan internet untuk mengakses maklumat. Jika kita tidak mempunyai capaian internet, akan jadi seperti katak di bawah tempurung kerana tidak mendapat maklumat terkini di dalam atau luar negara.

"Sebelum ini pakej jalur lebar agak mahal dan mempunyai kuota tertentu. Jika pakej diusahakan kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan baik, saya percaya B40, veteran dan juga warga emas akan mendapat manfaat yang besar," katanya.

Pekerja swasta, Ajos Larau, 54, mencadangkan kerajaan turut membina menara pemancar atau pencawang di kawasan pedalaman.

"Jika tiada pencawang di pedalaman, akan ada komuniti tidak akan mendapat manfaat pakej ini disebabkan tiada akses.

"Saya juga harap lebih banyak maklumat mengenai bagaimana untuk mendaftar pakej ini diperjelaskan supaya rakyat tahu. Tidak semua orang khususnya di kawasan pedalaman cakna dengan pakej ini," katanya.